

17 NOV 1998
APEC-BERITA-GOH/I (LEAD)
TUMPU KEPADA PERKARA APEC, KATA GOH

KUALA LUMPUR, 17 Nov (Bernama) -- Bidang terhadap Naib Presiden AS Al Gore, yang membuat kenyataan malam tadi menyokong gerakan "reformasi" telah menimbulkan kegemparan, dipertingkatkan hari ini dengan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata Apec harus menumpukan kepada isu-isu ekonomi sahaja.

"Pemimpin-pemimpin yang mahu menonjolkan isu-isu politik patut berbuat demikian di pertemuan dua hala bukan menggunakan forum ekonomi serantau," beliau memberitahu pemberita selepas pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri Negeri Thai Chuan Leekpai.

"Itulah gaya Amerika dan kita terpaksa menerimanya, kata beliau.

Dalam campur tangan terang-terangan di dalam hal ehwal politik dalaman Malaysia, Gore berkata mereka yang terlibat di dalam gerakan reformasi adalah "rakyat yang berani", menimbulkan kemarahan banyak rakyat Malaysia yang hadir pada jamuan itu.

Antara mereka ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz yang menyifatkan ucapan Gore itu sebagai paling jelek sementara masyarakat perniagaan menyatakan kemarahan sambil berkata bahawa Gore kurang ajar dan bongkak.

Goh berkata bahawa tidak sebaliknya membangkitkan isu-isu politik, kepimpinan Apec sepatutnya membuat perbezaan dan tumpu kepada perkara-perkara Apec pada mesyuarat itu.

"Terdapat pemimpin-pemimpin yang mahu mengulas mengenai negara-negara lain tetapi mereka patut lakukan secara senyap berasaskan dua hala," katanya.

Ditanya sama ada Gore melampaui batas, Goh berkata terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad "membuat keputusan bagaimana menangani keadaan itu."

"Saya boleh faham kenapa Perdana Menteri sedih, sama seperti rakyat Amerika juga jika Dr Mahathir membuat ulasan mengenai politik Amerika," katanya.

"Kita di sini untuk tujuan tertentu, tetapi politik mencemarkan Apec.

Goh berkata bahawa adalah tidak wajar untuk membawa isu-isu politik dan dalaman di mesyuarat Apec.

"Forum yang tepat untuk membawanya ialah pertemuan-pertemuan dua hala."

Ditanya sama ada kenyataan Gore bertujuan untuk mengapi-apikan pemberontakan di Malaysia, katanya: "Saya tidak fikir ia untuk mengapi-apikan pemberontakan, (itu) terlalu diada-adakan." --BERNAMA

THG SK OS